

pemilihan umum” yang boleh didapati di kedai Tuan Yahyā

‘Ārif di Kuala Kangsar.

Negeri Mekah

Hāji Aḥmad bin Hāji Salīm, Kampung Behrang Tanjung

Malim bertanya: Negeri Mekah yang suci itu diperintahkan

oleh satu bangsa wahabi- (1) Apa mazhabnya, (2) apa

iktikadnya, (3) apa nama negeri asalnya dan dari mana

timbulnya?.

Jawab: Mazhabnya ahli sunnah yakni mereka berpegang

semata-mata kepada pengajaran al-Quran dan al-Hadis dan

ijmak sahabat. Iktikadnya ialah tidak ada Tuhan

melainkan Allah dan bahawasanya Muhammad itu pesuruh Allah

yang menyampaikan segala seruannya dengan jalan al-Quran dan

al-hadis. Mereka berpegang di dalam perjalanan agama di atas

dua cara iaitu dalam masa mengerjakan ibadah mereka

beramal semata-mata kepada apa yang disuruh untuk membuatnya

dengan berasakan kepada al-Quran, al-hadis dan ijmak

sahabat. Kalau tidak disuruh mereka tidak membuatnya dan

mereka tidak berani menambah atau mengurangi daripada apa

yang telah disuruh lakukan itu. penganggan yang kedua yang mengenai

perkara keduniaan mereka lakukan ialah kepada tegahan.

Mereka akan mengharuskan membuat apa jua yang tidak

ditegah seperti mereka meluluskan makan apa-apa jua yang

tidak diharamkan oleh al-Quran dan al-hadis sekalipun

mereka tidak suka memakannya.

Asal keturunan daripada Najad dan perkataan Wahabi

itu datangnya kepada gelaran orang yang mengajarnya sesudah

keadaan-keadaan khurafat bermaharajalela di negeri arab iaitu

daripada ‘Abdul Rahman bin ‘Abdul Wahāb moyang kepada raja

Hijjaz yang ada sekarang. Timbulnya pada lebih kurang 200 tahun

dahulu dan kerana kesannya berpegang kepada fatwa-fatwa

yang teralasan kepada al-Quran dan al-Hadis maka ia diperangi

tetapi walaupun begitu fahamannya tidak dapat dimansuhkan.

Faham inilah juga digelar kaum muda oleh orang-orang sekarang.

Kaum Muda

Raja Hasanuddin, al-Dīniyah School, Ja’rang Pattani

Siam bertanya: Apakah sebabnya terjadi daripada kaum uda adkaah

Di zaman Rasulullah atau zaman di zaman sahabat: dan adakah

kaum muda itu keluar daripada mazhab yang empat atau tidak?

Jawab: Sebabnya terjadi gelaran kaum muda itu

ialah sesudah masa yang panjang pengajaran-pengajaran Islam diselaputi

oleh berbagai-bagai anasir dan khurafat yang banyak yang

paksakan oleh pemerintah-pemerintah supaya diadakan barang yang tiada

di dalam agama.

Boleh dikatakan bapa kaum muda sesudah kebangkitan sekarang

ialah al-‘Allamah al-Sayyid Jamāluddīn al-Afghānī yang diikuti

pula oleh muridnya al-‘Allamah Muḥammad ‘Abduh. Gelaran ini

tidak ada pada masa Rasulullah (SAW) dan pada zaman

sahabat-sahabat kerana pada masa itu fahaman hanya ada satu sahaja

iaitu kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya Muhammad (SAW).

Peganggan kaum muda yang dimaksud itu adalah berjalan

sebagaiman yang dijalankan pada zaman Rasulullah (SAW) dan

sahabat-sahabatnya kerana mereka hanya berpegang dengan al-Quran,

al-hadis dan ijmak sahabat sahaja dalam perkara-perkara yang

ada nasya di situ.

Dengan sebab peganggan yang demikian itulah yakni mengajak

umat berpegang semata-mata kepada ajaran pada masa Rasulullah

mereka tidak berpegang kepada salah satu mazhab yang empat

yang tersebut kerana mazhab yang empat itu kembang dan ada

ialah pada kurun keenam sesudah masihi.